

## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 1977**

#### **PENGELUARAN NOTIS TUNTUTAN DENGAN BORANG 6A MENGENAI TANAH-TANAH YANG TIDAK DIBAYAR HASIL TAHUNAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik semua PHT mengenai Dasar Kerajaan bersabit dengan pengeluaran Borang 6A, iaitu Borang Notis tuntutan supaya tuan-tuan tanah menjelaskan hasil tanahnya mengikut kehendak sek 97.(1)KTN yang berbunyi:-

“97(I) Where any rent payable in respect of any alienated land is in arrear, the collector may cause to be served on the proprietor thereof a notice of demand in Form 6A”

2. Baru-baru ini kerajaan telah mengkaji kedudukan hasil tanah bagi seluruh Jajahan dalam Negeri Kelantan yang belum dibayar jelas pada akhir tahun 1976 dan didapati kedudukannya adalah seperti berikut:-

#### **BAYARAN HASIL TAHUNAN (CURRENT)**

<b>Bil. Jajahan</b>	<b>Anggaran Hasil Tahun 1976</b>	<b>Pungutan Hasil Tanah Sehingga 31.12.76</b>	<b>Baki</b>
1. Ulu Kelantan	1,079,658.80	\$948,060.80	\$131,598.00
2. Kota Bharu	792,189.60	786,066.40	6,123.20
3. Tanah Merah	550,000.00	445,297.00	104,703.00
4. Pasir Mas	563,000.00	533,310.00	29,689.50
5. Pasir Puteh	317,310.80	301,114.30	16,196.50
6. Tumpat	183,381.80	169,326.60	14,055.20
7. Bachok	211,931.00	191,803.50	20,127.50
8. Machang	440,435.30	389,930.10	50,505.20
<b>JUMLAH</b>	<b>\$ 4,137,907.30</b>	<b>\$3,764,909.20</b>	<b>\$372,998.10</b>

### **TUNGGAKAN HASIL TANAH**

<b>Bil.</b>	<b>Jajahan</b>	<b>Jumlah Tunggakan</b>	<b>Pungutan Sehingga 31.12.76</b>	<b>Baki</b>
1.	Ulu Kelantan 143,635.10	\$ 305,097.70	\$ 161,462.60	\$
2.	Kota Bharu	136,307.80	67,437.40	68,879.40
3.	Tanah Merah	302,570.50	87,024.50	215,546.00
4.	Pasir Mas	443,689.70	124,731.60	318,958.10
5.	Pasir Puteh	82,411.20	27,531.70	54,879.50
6.	Tumpat	36,772.50	15,271.00	21,501.50
7.	Bachok	25,278.55	5,411.10	19,795.95
8.	Machang	78,388.95	45,593.00	32,795.95
<b>JUMLAH</b>		<b>\$ 1,410,516.90</b>	<b>\$ 534,462.90</b>	<b>\$876,054.00</b>

3. Berpandu kepada angka-angka yang di atas jelaslah bahawa Pentadbiran Tanah dalam bidang pungutan hasil adalah lemah dan MMK yang bersidang pada 10.2.77 telah mengkaji tentang sebab-sebab kelemahan pungutan hasil tanah itu telah didapati bahawa salah satu daripada sebab-sebab kelemahan itu, di antaranya lain-lainnya ialah kerana kelemahan Undang-undang Tanah sendiri, khasnya mengenai pemakaian Sek.97(I) KTN dari segi praktik bersabit dengan pengeluaran Borang 6A dan tindakan-tindakan selanjutnya.

4. Oleh yang demikian dalam hal pengeluaran Borang 6A ini, sungguhpun Sek.97(I) berbunyi"..... PHT boleh....." Tetapi MMK bersidang pada 10.2.1977 selepas menimbang Kertas Bil.3/113/77(13) telah membuat keputusan supaya PHT menyifatkan perkataan 'boleh' (may) dalam Sek 97 (I) KTN hendaklah disifatkan oleh PHT sebagai 'hendaklah' (shall) bagi maksud Pentadbiran Tanah dalam Negeri Kelantan ini.

5. Dengan adanya ketetapan bagaimana di atas sebagai dasar Kerajaan, maka PHT hendaklah dengan tidak boleh tidak mengeluarkan Borang 6A dengan seberapa segera yang boleh selepas 1 haribulan Julai pada tiap-tiap tahun, kerana mengikut Sek. 94 KTN hasil tanah kena bayar mulai dari awal tahun dan, jika tidak dibayar terlebih awal, hendaklah anggap menjadi tunggakan pada hari pertama bulan Julai tahun itu. Lepas itu tindakan-tindakan selanjutnya di bawah Sek. 97(2),99,100 dan 130 KTN hendaklah dipatuhi dengan sepenuhnya.

6. Melalui Pekeliling ini PHT adalah diingatkan supaya memberi nasihat kepada orang ramai melalui Penggawa-penggawa, Penghulu-penghulu, Imam-imam dan lain-lain alatan sebaran am supaya datang membayar hasil tanahnya, awal-awal sebelum 1 haribulan Julai pada tiap-tiap tahun, supaya Pejabat-pejabat Tanah tidak akan terbeban dengan kerja-kerja penyediaan dan pengeluaran borang 6A kelak kerana dengan jalan itu bilangan lot-lot yang tidak menjelaskan hasil itu dipercayai tidak begitu banyak bakinya.

**t.t**  
**(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua Ketua-ketua Jajahan dan Penolong Ketua Jajahan 1,  
dalam Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

Pengarah Ukur Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah LKTN Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.**

**KOTA BHARU:** 8HB.MAC,1977.

**FAIL:** PTG(KN) Sulit 4/65/(65)